KETUA SETIAUSAHA
(SECRETARY GENERAL)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
(MINISTRY OF RURAL AND REGIONAL DEVELOPMENT)
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA

Telefon : 603 - 8891 2051
Telefax : 603 - 8888 2302
Web : http://www.rurallink.gov.my

Semua SUB / Ketua Unit dan Ketua-Ketua Agensi
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
BILANGAN 4 TAHUN 2014

MAKLUM BALAS LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH, AGENSI DAN ANAK SYARIKAT AGENSI

1. Seperti mana sedia maklum, transformasi dan amalan ke arah penjimatan wang awam merupakan agenda utama dan KPI Kementerian dengan pelaksanaan pengurusan kewangan berkesan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014.

2. Sehubungan itu, pemantapan dan pengukuhan dalam pelaksanaannya memerlukan tindakan berikut.

2.1 **Tanggungjawab Bahagian, Unit-unit Kementerian dan Ketua-ketua Agensi**

Keputusan Mesyuarat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Dengan KSU Kementerian dan SUK pada 11 Mac 2014 mengkehendaki semua maklum balas Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) ditandatangani oleh KSU dan semua *Exit Conference* dihadiri oleh KSU/TKSU.

Sehubungan itu, semua maklum balas LKAN perlu dibincangkan dengan UAD KKLW untuk penyelarasan jawapan maklum balas dan tindakan yang telah diambil. Oleh itu, adalah sesuai UAD KKLW mendapat gambaran sepenuhnya terhadap semua program-program /aktiviti Kementerian, dengan menjemput UAD menghadiri program-program/aktiviti yang dilaksanakan termasuk di peringkat Agensi–agensi Kementerian.

2.2 Tanggungjawab Agensi KKLW

Semua maklum balas LKAN perlu diambil tindakan segera dan KUAD Agensi masing-masing bertanggungjawab menyelaras maklum balas tersebut. Laporan maklumbalas yang muktamad perlu dibincang bersama UAD KKLW sebelum diserahkan kepada KSU untuk persetujuan dan tandatangan.

2.3 Tanggungjawab Anak-anak Syarikat Kementerian.

KUAD Anak Syarikat Agensi perlu mengambil tindakan yang sama terhadap maklum balas LKAN dan diselaraskan oleh KUAD Agensi berkenaan. Bagi Anak syarikat yang tidak mempunyai Audit Dalam, KUAD Agensi hendaklah bertanggungjawab menyelaraskan maklum balas dan tindakan yang diambil. Hanya maklum balas muktamad perlu dibincangkan bersama UAD KKLW sebelum ditandatangani oleh KSU KKLW.

2.4 Tanggungjawab Unit Integriti KKLW

Bagi LKAN yang menjurus kepada pembaziran, penyelewangan dan pemborosan seperti yang dilaporkan oleh LKAN atau siasatan dalaman, Ketua Unit Integriti KKLW perlu mengambil tindakan proaktif terhadap tindakan dan maklum balas melalui siasatan selaras dengan tanggungjawab dan peranan Unit Integriti mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 tahun 2013.

3. Semua Ketua Jabatan Agensi/SUB dan Ketua-ketua Unit KKLW perlu memberi perhatian dan keutamaan terhadap Pekeliling ini dengan menyediakan maklum balas LKAN dengan **SEGERA**. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan terhadap perkara ini amat dihargai bagi menjamin KPI Kementerian mantap dan dicapai sepenuhnya.

4. Pekeliling ini berkuat kuasa dengan serta-merta.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Komuniti Berdaya Desa Berjaya

DATUK SERI IBRAHIM BIN MUHAMAD

Rujukan : KKLW.UAD.100-4/4/1 (11)

Tarikh : 28/5/2014